

06/01/2000

Johor hanya calonkan Abdul Ghani tanding naib presiden

JOHOR BAHRU, Rabu - Umno Johor hanya mencalonkan satu nama iaitu Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, bagi merebut jawatan Naib Presiden Umno pada perhimpunan agung Umno, Mei depan.

Ini berikutan kedudukan Abdul Ghani selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan reputasi cemerlangnya membolehkan Barisan Nasional (BN) menyapu bersih 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dan 20 kerusi Parlimen pada pilihan raya umum lalu.

Ketua Umno Bahagian Bakri, Senator Datuk Mazlan Abu berkata, sebagai pemimpin tertinggi Umno di peringkat negeri, Abdul Ghani wajar diberi laluan untuk bertanding.

Beliau berkata, adalah lebih mudah jika seorang saja calon dari Johor bertanding merebut jawatan itu jika ingin menjamin kemenangan berdasarkan pengalaman lalu.

"Umno Bahagian Bakri hanya mencalonkan Abdul Ghani sejajar dengan kedudukannya sebagai pemimpin tertinggi parti di peringkat negeri. Kita patut memberi laluan dan menyokongnya.

"Selain itu, kita turut mencalonkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno," katanya.

Ketua Umno Bahagian Sri Gading yang juga Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamad Aziz berkata, pihaknya sudah membuat perdirian untuk menyokong Abdul Ghani bagi jawatan itu di samping Dr Mahathir dan Abdullah.

"Pendirian kita adalah jelas bahawa hanya Abdul Ghani akan dicalonkan untuk jawatan naib presiden manakala Dr Mahathir dan Abdullah bagi jawatan presiden dan timbalannya," katanya.

Ketua Umno Bahagian Tebrau, Datuk Mohd Ali Hassan berkata, Umno Bahagian Tebrau telah lama ingin mencalonkan Abdul Ghani tetapi ia tidak dapat dilakukan berikutan tidak ada pemilihan pada perhimpunan lalu.

"Kali ini kita akan memberi sokongan padu kepada Abdul Ghani untuk jawatan naib presiden serta Dr Mahathir dan Abdullah untuk jawatan nombor satu dan dua dalam parti," katanya.

Mohd Ali yang juga Ahli Parlimen Tebrau dan Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, berkata kewibawaan dan stail kepimpinan Abdul Ghani perlu diketengahkan setelah membuktikannya pada pilihan raya umum lalu.

Setakat ini, Menteri Luar yang juga Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi, Datuk Seri Syed Hamid Albar, mengesahkan untuk bertanding merebut jawatan itu manakala Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang Ketua Umno Bahagian Pagoh, Tan Sri Mahyiddin Yassin, dijangka bertanding sama.

Sementara itu, ketika ditemui selepas mempengerusi mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di kediaman rasminya, di Saujana di sini, malam tadi, Abdul Ghani tidak menolak kemungkinan bertanding jawatan itu.

(END)